

MAJLIS MAKAN MALAM RASMI SEMPENA MERAIKAN PRESIDEN NAMIBIA TUAN YANG TERUTAMA DR SAM NUJOMA

SRI PERDANA, KUALA LUMPUR (K.L), 14 SEPTEMBER 1992

Dengan rasa penuh gembira saya mengalu-alukan kunjungan Tuan Yang Terutama selaku Presiden Namibia yang merdeka dan ahli-ahli rombongan yang pertama kali melawat Malaysia secara rasmi. Walaupun ini merupakan lawatan rasmi pertama Tuan Yang Terutama, perhubungan kita sudah lama wujud semenjak perjuangan Tuan Yang Terutama mendapatkan pembebasan. Kali pertama saya dapat berjumpa dengan Tuan Yang Terutama sebagai Presiden Republik Namibia ialah di Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Negara Komanwel (CHOGM) di Harare pada tahun 1991 dan sekali lagi baru-baru ini di Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) di Jakarta.

2. Walaupun negara kita terletak jauh antara satu sama lain, rakyat Malaysia telah mengikuti dengan penuh prihatin perjuangan rakyat Namibia, di bawah kepimpinan Tuan Yang Terutama yang bijaksana, untuk membebaskan Namibia daripada cengkaman kolonialisma. Sudah lebih satu abad rakyat Tuan Yang Terutama mengalami penghinaan daripada penindasan dan diskriminasi. Walaupun begitu bersungguh-sungguh pihak kolonial memaksa rakyat Tuan Yang Terutama menyerah diri, semangat mereka begitu cekal menentang musuh negara. Harga yang mereka terpaksa bayar dalam perjuangan penentangan mereka itu adalah tinggi dan sungguh menyiksakan dan kesan-kesan daripada sistem lama itu masih terus kekal hingga ke hari ini. Perjuangan pembebasan Tuan Yang Terutama merupakan satu inspirasi yang tetap kekal di ingatan semua kerana Tuan Yang Terutama berjuang bukan untuk mencapai kemerdekaan politik semata-mata tetapi untuk kemenangan prinsip-prinsip moral yang tinggi -- hak seseorang manusia untuk berdiri sama rata.

3. Dengan pencapaian kemerdekaan dua tahun yang lalu negara Tuan Yang Terutama telah memasuki era baru dalam sejarahnya. Ianya, saya pasti, merupakan satu era yang paling menarik dan mencabar kepada para pemimpin dan rakyat Namibia ketika Tuan Yang Terutama berusaha mengukuhkan dan memberi makna kepada kemerdekaan yang dicapai itu. Sepertimana pengalaman kami sendiri, tugas ini adalah amat berat. Tetapi kami amat berpuas hati terhadap usaha-usaha besar yang dilakukan oleh kerajaan Tuan Yang Terutama dalam membawa kemajuan ekonomi dan sosial di Namibia. Oleh kerana peninggalan warisan kolonial, Tuan Yang Terutama terpaksa menghadapi keperluan untuk membetulkan ketidakseimbangan yang begitu ketara dalam pendapatan, pendidikan, peluang-peluang ekonomi, pemilikan tanah, dan mendapatkan kemudahan-kemudahan asas dan perkhidmatan di kalangan rakyat Tuan Yang Terutama. Pendekatan Tuan Yang Terutama dalam menghadapi masalah-masalah ini amatlah bijak dan baik untuk dicontohi. Ini dapat dibuktikan dengan tiadanya tentangan dan kekerasan yang lazimnya berlaku dalam pemindahan kuasa Kerajaan. Penyusunan semula masyarakat tidak semestinya dipengaruhi oleh pengalaman silam yang penuh kepahitan.

4. Namibia adalah sebuah negara yang kaya dengan sumber- sumber asli dan justeru itu mempunyai ciri-ciri yang diperlukan untuk berjaya di bidang ekonomi. Adalah mencukupi untuk setiap orang berkongsi secara adil. Kita tidak ragu-ragu bahawa melalui dasar-dasar yang cermat yang digubal oleh kerajaan Tuan Yang Terutama, Namibia akan berjaya mengatasi kesulitan-kesulitannya sekarang akibat kemarau yang teruk melanda negara Tuan Yang Terutama.

5. Malaysia akan terus menyumbang mengikut kemampuannya terhadap usaha-usaha pembangunan yang sedang dijalankan di Namibia. Terdapat banyak persamaan dalam keadaan di antara Malaysia dengan Namibia. Kita sama-sama adalah negara membangun yang berbilang kaum yang sedang berusaha mencapai pertumbuhan ekonomi dengan saksama. Usaha mencapai perpaduan di kalangan rakyat kita daripada pelbagai asal keturunan adalah satu-satunya faktor penting dalam menentukan kejayaan usaha-usaha pembangunan kita, kerana di situlah letaknya asas di mana kita menaruh harapan untuk membina sebuah negara yang maju dan makmur.

6. Sebagai negara membangun kita terdedah kepada perubahan-perubahan yang berlaku di arena dunia, politik dan ekonomi. Berakhirnya perang dingin pada mulanya disambut dengan gembira. Selepas beberapa dekad persaingan kuasa besar yang merosakkan, masyarakat antarabangsa mempunyai peluang yang paling baik untuk merumuskan satu orde dunia yang adil dan saksama. Bagaimanapun, kegembiraan itu hanya sekejap sahaja. Perkembangan-perkembangan terbaru telah menimbulkan persoalan terhadap asas-asas yang dilandaskan oleh orde dunia baru ini. Sepatutnya apa yang harus dipastikan ialah berlakunya keadilan dan rasa hormat terhadap prinsip-prinsip perhubungan antarabangsa, tetapi beberapa negara menggunakan tindakan sewenang-wenangnya dan secara bersendirian telah mengenakan nilai-nilai dan paksaan ke atas negara-negara lain.

7. Di bidang ekonomi, pelbagai bentuk sekatan bukan-tarif yang telah diwujudkan mengikut cara perdagangan bebas dan pengenalan elemen-elemen baru seperti harta intelektual, kandungan tempatan dan cukai yang diskriminasi telah menghalang perdagangan dunia dengan serius. Ini boleh menyebabkan pertumbuhan ekonomi dunia menjadi perlahan yang kemudiannya akan turut memberi kesan yang buruk kepada ekonomi kita yang begitu terbuka dan bergantung kepada perdagangan luar.

8. Perkembangan seumpama itu agak membimbangkan. Dividen keamanan dan keselamatan daripada berakhirnya perang dingin tetap tinggal satu harapan sahaja. Negara-negara yang lemah semakin hari mendapati diri mereka dalam keadaan yang merumitkan kerana terpaksa menyerah diri kepada versi orde dunia baru ini dan sistem ekonomi dan perdagangan seperti yang dianjurkan dan diamalkan oleh pemimpin-pemimpin tertentu di Barat.

9. Tuan Yang Terutama dan saya baru sahaja pulang daripada Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali (NAM) di Jakarta di mana kita berpeluang berbincang pelbagai isu yang luas yang memerlukan perhatian segera pergerakan kita. Kita sependapat mengenai perlunya NAM mengkaji semula

peranannya dalam dunia yang mempunyai satu polar. Kita perlu memastikan bahawa NAM menjadi sebuah pertubuhan yang bersatu dan segar supaya ia dapat menyumbang kepada orde dunia yang adil. NAM mesti berusaha membentuk satu pernyataan dan komitmen dunia yang baru untuk mengukuhkan kerjasama ekonomi antarabangsa.

10. Namibia dan Malaysia berkongsi pandangan yang sama dalam banyak isu antarabangsa, terutama yang berkaitan dengan perjuangan majoriti rakyat Afrika Selatan untuk mendapatkan pembebasan. Rasa optimis kita pada awalnya berikutan pembaharuan-pembaharuan yang dilakukan oleh Encik F.W. de Klerk dan kemajuan awal yang dicapai di CODESA (Con- vention for a Democratic South Africa) kini telah hilang dan bertukar kepada perhatian serius mengenai prospek peralihan secara aman kepada pemerintahan majoriti. Kami menggesa rejim Pretoria supaya mengambil tindakan segera untuk menghidupkan proses perundingan di bawah CODESA dan berusaha dalam tempoh yang ditetapkan ke arah mewujudkan sebuah kerajaan sementara dan seterusnya sebuah Afrika Selatan yang demokratik, bersatu dan tidak berbau perkauman. Kita juga mesti menggesa orang-orang Afrika kulit hitam supaya mengingati bahawa mereka semua telah menderita bersama-sama dan mereka tidak harus membiarkan diri mereka menjadi alat kepada pemerintahan kulit putih. Mereka yang berbuat demikian hendaklah dianggap sebagai pembelot kepada perjuangan dan demokrasi.

11. Lawatan Tuan Yang Terutama ke Malaysia, saya pasti, akan memberi peluang kepada Tuan Yang Terutama dan ahli-ahli rombongan melihat kemungkinan-kemungkinan yang wujud untuk kita bekerjasama demi faedah bersama. Perbincangan yang akan kita adakan esok mengenai isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa akan mengenalpasti bidang-bidang kerjasama yang boleh meningkatkan lagi perhubungan antara kedua-dua negara kita. Walaupun pada masa ini hubungan dagang antara kedua-dua negara adalah kecil, kekayaan sumber-sumber asli di Namibia dan kepakaran Malaysia di bidang pengeluaran perindustrian dan usaha kita untuk mencapai kehidupan yang lebih baik bagi rakyat kita, seharusnya membolehkan kita untuk saling melengkapi antara satu sama lain dalam pelbagai jurusan.

12. Saya percaya lawatan Tuan Yang Terutama dan ahli-ahli rombongan akan membuahkan hasil dan dapat tinggal dengan gembira di Malaysia. Aturcara yang kami telah susun untuk Tuan Yang Terutama akan memberi gambaran tentang apa yang Kerajaan dan rakyat Malaysia sedang usahakan dalam cita-cita untuk mencapai kemajuan dan kemakmuran. Saya berharap Tuan Yang Terutama dan ahli-ahli rombongan akan membawa pulang kenangan manis daripada lawatan singkat ke negara ini.